

CNS2215

R GB 16-12 00158 PB797

aab mes

Mahathir - Saham

APB DIJADIKAN PEMEGANG AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 16 Dis. ⁹³ (Bernama) -- Amanah Pelaburan Bumiputea (APB) yang akan ditubuhkan akan dijadikan sebagai pemegang amanah kepada saham yang akan diperuntukkan kepada Bumiputera melalui terbitan saham awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bumiputera akan hanya dibenarkan membeli dan menjual saham yang diperuntukkan kepada mereka melalui APB, katanya kepada pemberita di ruang legar Parlimen.

Sebelum itu beliau ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-Benam mengumumkan penubuhan APB.

Katanya, melalui cara ini ekuiti saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera tidak akan tergugat dan jika harga saham yang dijual oleh Bumiputera naik, keuntungannya tetap dapat dipungut oleh APB.

Melalui cara ini Bumiputera tiada akan rugi, katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun pelbagai tindakan dan peraturan diadakan oleh kerajaan bagi memastikan hak Bumiputera dalam bidang korporat tidak tergugat, tindakan berkesan mestilah diambil oleh Bumiputera sendiri.--Lagi

▼16/12/22-10MST

CNS2216

R GB 16-12 00130 PB798

aab mes

Mahathir - Saham 2 Kuala Lumpur

"Walaupun apa jua sekatan dibuat oleh kerajaan, selagi mereka (Bumiputera) ingin melepaskan peruntukan saham yang dikhaskan kepada mereka -- dia akan terlepas juga," katanya.

Oleh itu kerajaan terpaksa menekankan akan pentingnya Bumiputera tidak menjual saham mereka terlalu awal hanya untuk mendapat keuntungan yang kecil, katanya.

Beliau berkata: "Kerajaan memberi mereka peluang membeli saham dan dijual terlalu awal dan apabila saham naik nilainya, mereka mengalami kerugian."

"Mereka harus pegang kekal saham mereka, walaupun terpaksa menjual, mereka perlu menanti harga saham naik dan beli saham lain," katanya.

Memandangkan kebanyakan pelabur Bumiputera tidak mempunyai pengalaman, kerajaan mencadangkan satu penasihat pelaburan untuk Bumiputera diadakan bagi menambah pengetahuan tentang kegiatan bursa saham, katanya.--Lagi

▼16/12/22-12MST

CNS2218

R GB 16-12 00124 PB799

aab mes

Mahathir - Saham 3 Kuala Lumpur

Beliau tidak menafikan Bumiputera kurang pengalaman dalam bidang jual-beli saham kerana baru menyertai bidang itu.

Bagaimana tindakan Bumiputera menjual saham mereka terlalu awal seolah-olah memperlihatkan mereka tidak dapat menunggu untuk merasai kekayaan, katanya.

"Kadang-kadang saham yang dibeli dengan harga RM2 atau RM3 dan dijual pada harga RM4, sedangkan saham itu meningkat hingga RM17-RM18 -- dan mereka mengalami kerugian kerana tidak mempunyai pengalaman," katanya.

Mengenai rancangan menjadikan pendidikan sebagai satu industri yang juga diumumkan hari ini, beliau berkata kerajaan sudah menerima permintaan dari sebuah universiti terkenal di United Kingdom untuk membuka cawangannya di negara ini.

Bagaimanapun beliau tidak boleh mengumumkannya lagi nama universiti itu, katanya.--Lagi

♥16/12/22-14MST

CNS2219

R GB 16-12 00075 PB800

aab mes

Mahathir - Saham 4 (akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata dengan adanya cawangan universiti luar di sini, ianya bukan sahaja menjimatkan belanja dengan kurangnya rakyat tempatan melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri tetapi juga menarik pelajar luar ke negara ini yang mana lebih menguntungkan.

Katanya, seorang penuntut luar yang belajar di Malaysia akan berbelanja sama dengan lawatan sehari 360 orang pelancong. -- Bernama

HK

♥16/12/22-15MST